



# Info Sukan

## UniMAP CEMERLANG DI KEJOHANAN SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA KE-5

Oleh: Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah

Pada 30 November hingga 8 Disember 2008, UniMAP buat kali pertamanya telah menghantar penyertaan ke Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia Kali Ke-5 Tahun 2007. Kejohanan Sukan ini telah disertai oleh 66 kontinjen daripada pelbagai agensi dan badan berkanun. Ia telah berlangsung dengan jayanya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi yang juga tuan rumah bagi kejohanan ini. Selain daripada kawasan di sekitar UKM terdapat beberapa acara yang telah dijalankan di luar kawasan UKM iaitu di Kelab Golf Danau dan Bangi, Kompleks Sukan Bukit Kiara, Kompleks Sukan MPKJ dan Ampang Bowl. Dalam kejohanan kali ini, UniMAP telah menghantar penyertaan seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada Atlet, Pegawai dan Petugas yang diketuai oleh Kapten (B) Halim bin Abdul Hamid bagi menyertai 8 acara daripada 17 acara yang dipertandingkan. UniMAP telah menghantar penyertaan dalam acara Badminton Campuran, Bola Sepak Lelaki (Senior), Bola Tampar Lelaki, Bola Tampar Wanita, Pasukan Olahraga, Pasukan Boling Padang Campuran, Golf dan acara Boling Tenpin.

Pada sebelah pagi 1 Disember 2007 telah diadakan satu Majlis Alu-aluan dan Taklimat kepada semua kontinjen yang akan mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Majlis tersebut telah diadakan bertempat di Dewan Gemilang, UKM dan telah dihadiri oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Wahid bin Samsudin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Kebangsaan Malaysia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia Kali Ke-5 Tahun 2007. Turut hadir bersama dalam majlis dan sesi taklimat tersebut adalah Puan Jaslana binti Hj. Hussien, Ketua Pusat Sukan UKM yang juga merangkap Setiausaha Kejohanan dan Puan Rohani binti Abd Rahman dari Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

dif jemputan yang lain. Acara dalam majlis perasmian tersebut telah diserikan dan dimeriahkan lagi dengan acara perbarisan dan lintas hormat oleh kontinjen-kontinjen yang bertanding dalam kejohanan sukan ini.

Ternyata penyertaan Kontinjen UniMAP buat julung-julung kalinya dalam kejohanan ini membuahkan hasil yang di luar jangkaan. UniMAP telah berjaya merangkul 7 pingat emas melalui Acara Olahraga - Merejam Lembing Wanita Senior, Melempar Cakera Wanita Senior dan Melontar Peluru Wanita Senior melalui Roseazlina binti Mustafa, Acara Olahraga - Lompat Jauh Wanita Senior melalui Nor Rinda binti Ramli, Acara Olahraga - 4 x 400 Meter Lelaki Veteran dan Acara Olahraga - 4 x 400 Meter Wanita Senior. Acara Boling Tenpin kategori Individu Lelaki turut menyumbangkan emas kepada kontinjen UniMAP melalui pesertanya Mohd Zul Fauzi bin Mohamed Sawal.



UniMAP juga berjaya merangkul 6 Pingat Perak dalam Acara Olahraga - 3000 Meter Wanita Senior dan 800 Meter Wanita Senior melalui Nurul Ashikin binti Mohd Josrie, Acara Olahraga - Lompat Jauh Lelaki Senior melalui Muhamad Fahmi bin Abdullah dan Acara Olahraga 400 Meter Wanita Senior melalui Nor Rinda binti Ramli. Dua lagi pingat Perak pula disumbangkan oleh Pasukan Tenpin Boling Bergu Lelaki melalui Che Mohamad bin Che Hashim dan Mohd Zul Fauzi bin Mohamed Sawal dan satu lagi melalui Pasukan Bola Tampar Wanita.

Manakala 3 Pingat Gangsa yang dimiliki oleh Kontinjen UniMAP adalah melalui Acara Olahraga - 1500 Meter Lelaki Veteran melalui Zulfikar bin Abdullah, Acara Tenpin Boling Empat Sepasukan Lelaki melalui Che Mohamad bin Che Hashim, Maliki bin Ibrahim, Prof. Madya Mazelan bin Abd Hamid dan Mohd Safrizul Baha bin Abd Bakar. Manakala pingat Gangsa yang terakhir pula disumbangkan melalui Pasukan Bola Sepak Senior yang tumpas di tangan DBKL melalui sepakan penalti.

Dengan pencapaian 7 Emas, 6 Perak dan 3 Gangsa ini telah membolehkan Kontinjen UniMAP untuk berada di tempat ketiga di belakang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Jumlah kutipan pingat. Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun telah diadakan pada 8 Disember 2007 juga bertempat di Stadium UKM. Majlis penutupan ini telah disempurnakan oleh



Manakala pada sebelah malamnya pula telah diadakan Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang bertempat di Stadium UKM. Majlis gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang juga merupakan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia. Turut hadir bersama dalam majlis perasmian ini adalah Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin, Naib Canselor UKM dan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia dan dif-